

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

MINIT MESYUARAT RUNDINGAN HARGA BIL. 9/2019

TARIKH : 27 November 2019
MASA : 10:30 pagi – 11:00 pagi
TEMPAT : Bilik Innovation, Tingkat 1, Blok Inovasi, MPC
TAJUK KERTAS : RUNDINGAN HARGA KOS PENYELENGGARAAN SISTEM EMEL DAN APLIKASI DOMINO BAGI JANUARI 2020 – DISEMBER 2021

Senarai Kehadiran

Bil.	Nama	Jawatan/Jabatan
1.	Mohd Suzlezan Supu	Pengurus Kanan, MIT
2.	Azira Mohamed Hodzai	Penolong Pengurus, MIT
3.	Wan Khairunnisa Azmi	Penolong Pengurus, PCT
4.	Mohd Azhar Abd Wahab	Pengarah Urusan, Zettasoft Sdn Bhd
5.	Siti Hairina Muhain	Operations Division, Zettasoft Sdn Bhd

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua yang hadir terutamanya wakil dari pihak Zettasoft Sdn Bhd.
- 1.2 Mesyuarat ini adalah untuk memenuhi keperluan tatacara perolehan berkaitan Information and Communication (ICT) dan Rangkaian Internet (Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2011).
- 1.3 Permohonan perolehan untuk perlanjutan kontrak penyelenggaraan untuk Sistem e-Mel dan Aplikasi Lotus Notes dengan pembekal sedia ada iaitu pembekal tunggal sistem ini perlu memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat pekeliling dimana sebutan syarat (d) di perenggan 8 memerlukan harga kos penyelenggaraan dirunding ke paras terendah yang menguntungkan kerajaan selaras dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Makluman

2.0 RUNDINGAN HARGA DENGAN ZETTASOFT SDN BHD

- 2.1 Kos penyelenggaraan yang ditawarkan bagi tempoh DUA tahun adalah RM106,000.00;
- 2.2 Zettasoft Sdn Bhd bersetuju untuk memberi pengurangan harga sebanyak 15 peratus iaitu RM15,900.00;
- 2.3 Kos penyelenggaraan selepas runding harga bagi tempoh DUA tahun adalah RM90,100.00.

Tindakan: Zettasoft Sdn Bhd

3.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 3.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan penghargaan dan terima kasih dari Pengerusi.

Disediakan oleh :




Azira Mohamed Hodzai

Penolong Pengurus

MIT, MSF

27 November 2019

Disemak dan disahkan oleh :



Mohd Suzlezan Supu

Pengurus Kanan

MIT, MSF

27 November 2019



Wan Khairunnisa Azmi

Penolong Pengurus

PCT, MSF

27 November 2019

Diperakui dan setuju terima oleh:



Mohd Azhar Abd Wahab

Pengarah Urusan

Zettasoft Sdn Bhd

27 November 2019

ZETTASOFT SDN. BHD. (442086-W)
No. 23 & 23A, Jalan 9/2,
Taman IKS, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.
Tel: 03-8928 0466 Fax: 03-8912 5766